

PEMIKIRAN PASCA ISLAMISME DALAM KONTEKS GERAKAN ISLAM DI MALAYSIA

(Post-Islamism in the Context of Islamic Movement in Malaysia)

¹ WAN AHMAD FAHMI WAN MUDA

¹ Jabatan Usuluddin dan Falsafah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan
Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia

ABSTRAK

Pasca Islamisme merupakan trend baharu yang timbul dalam gerak kerja politik Islam. Kemunculan pasca Islamisme selari dengan tuntutan memenuhi kehendak demokrasi. Justeru, kebanyakan gerakan Islam seluruh dunia mulai berbeza tafsiran terhadap konsep negara Islam, isu pelaksanaan undang-undang Islam dan kerjasama antara orang bukan Islam. Perkembangan trend ini melahirkan golongan Islamis yang mulai berpendirian menyokong pendekatan pasca Islamisme dalam arena politik Islam termasuk dalam kalangan gerakan Islam di negara ini. Objektif kajian ini menganalisis unsur-unsur pemikiran pasca Islamisme dalam gerakan Islam di Malaysia. Kajian ini merupakan kajian kualitatif. Kaedah pengumpulan data menggunakan metode analisis dokumen terhadap jurnal, artikel, tesis, buku dan karya sarjana yang membicarakan tentang pasca Islamisme dan perkembangan gerakan Islam seluruh dunia. Manakala, analisis data menggunakan metode deskriptif dan metode sejarah menerusi analisis kandungan. Dapatan kajian merumuskan bahawa bukan sahaja gerakan Islam di Timur Tengah dan Asia Barat menerima pemikiran pasca Islamisme, tetapi gerakan-gerakan Islam di Malaysia juga turut terkesan dengan perkembangan pasca Islamisme.

Kata Kunci: Pasca Islamisme; gerakan Islam; demokrasi; islamisme; Malaysia

ABSTRACT

Post-Islamism is a new trend that emerged in the work of political Islam after the emergence of Islamism in line with the demands of the democracy requirements. Thus, most of the Islamic movements worldwide give different interpretations of the concept of the Islamic state, the issue of implementing Islamic law and cooperation between the non-Muslims. The development of this trend began to produce the Islamists who support opinionated approach to post-Islamism in political Islam, including among Islamic movements in the country. The objective of this study is to analyze the elements of post-Islamism thought in the Islamic movement in Malaysia. This study is qualitative. The method of collecting data using document analysis from journals, articles, theses, books and works of scholars who talk about the development of post-Islamism and the Islamist movement worldwide. Meanwhile, data analysis using descriptive and historical approach through content analysis. The study concluded that not only Islamic movements in the Middle East and West Asia receive thinking post-Islamism, but Islamic movements in Malaysia was also impressed with the development of post-Islamism.

Keywords: *Post-Islamism; Islamic movement; democracy; islamisme; Malaysia*

PENGENALAN

Pasca Islamisme merupakan fahaman masa kini golongan Islamis tentang politik Islam. Trend ini timbul selepas Revolusi Iran 1979 apabila diperkenalkan oleh seorang Profesor di Universiti Illinois, Amerika Syarikat dalam bidang sosiologi iaitu Asef Bayat berikutan kegagalan corak Islamisme yang lebih menekankan kepada retorik negara Islam berbanding kepada nilai praktis (Bayat 1996). Kajian ini berdasarkan kepada kenyataan yang dikemukakan oleh Asef Bayat dalam artikelnya *What Is Post Islamism* (2005) yang menjelaskan kedatangan fasa baharu iaitu pasca Islamisme dalam kalangan gerakan Islam seluruh dunia:

He (Asef Bayat) posits that Islamist movements in Muslim societies are undergoing a post-islamist turn characterized by rights instead of duties, plurality in place of singular authoritative voice, historicity rather than fixed scriptures and the future instead of the past (Bayat 2005).

Kemunculan Pasca Islamisme menggesa kepada pengkajian yang lebih mendalam oleh sarjana Islam dan sarjana Barat. Nilai dan ciri yang dibawa pasca Islamisme seperti toleransi, partisipasi dan inklusif telah mencorak gerak kerja gerakan Islam seluruh dunia. Sehubungan itu, timbul persoalan adakah gerakan Islam di Malaysia turut terkesan dengan perkembangan pasca Islamisme? Oleh itu, kajian ini menganalisis pengaruh pasca Islamisme dalam gerakan Islam di Malaysia.

METODOLOGI

Makalah ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif secara analisis kandungan. Data dikumpul melalui analisis dokumen yang merangkumi kesemua bentuk dokumen seperti buku, kajian ilmiah, jurnal dan artikel. Bahan kajian utama dirujuk pengkaji adalah tulisan tokoh-tokoh intelektual tentang pasca Islamisme. Namun, fokus rujukan pengkaji lebih kepada tulisan Asef Bayat dengan mengambil kira konteks pasca Islamisme yang diperkenalkan melalui tulisannya. Antara tulisan utama Bayat yang dirujuk pengkaji bagi mengumpulkan data ialah *The Coming of Post Islamism* (1996), *What Is Post Islamism* (2005) dan *Post-Islamism The Changing Faces of Political Islam* (2013). Selain itu, pengkaji menggunakan metod sejarah dengan meneliti peristiwa dan sejarah di kebanyakan negara yang terkesan dengan pasca Islamisme untuk disesuaikan dengan realiti di Malaysia. Manakala, analisis data menggunakan metode deskriptif melalui analisis kandungan. Kemudiannya, dapatan kajian disusun berdasarkan kaedah tematik untuk mengenal pasti ciri-ciri pasca Islamisme yang terdapat dalam pengamalan gerakan politik Muslim dan gerakan Islam di Malaysia. Kajian ini penting diketengahkan supaya dapatan kajian dapat dijadikan rujukan kepada pengkajian yang lebih khusus terhadap gerakan-gerakan Islam di Malaysia.

Sejarah Perkembangan Pasca Islamisme di Seluruh Dunia

Sebelum kemunculan wacana pasca Islamisme, Barat menamakan perjuangan gerakan Islam sebagai Islamisme. Bayat menjelaskan bahawa Islamisme suatu istilah yang digunakan bagi menerangkan arus perkembangan gerakan Islam. Konsep Islamisme ini memfokuskan matlamat perjuangan negara Islam yang bercirikan undang-undang Islam secara menyeluruh (Bayat 2007). Menurut Ayoob dalam artikelnya *The Future of Political Islam: The Important of External Variables* (2005) mengulas bahawa istilah Islamisme merupakan satu formula yang bertindak sebagai panduan bagi menjelaskan sifat ideologi politik Islam atau skop aktiviti politik yang dijalankan atas nama Islam sebelum dekad 80 an (Ayoob 2005). Maszlee Malik pula menjelaskan definisi Islamisme ini menurut pandangan Barat ialah suatu istilah yang dirujuk kepada wacana kelompok Muslim yang dilabel sebagai radikal atau fundamentalis yang memperjuangkan negara Islam, hukum syariah dan juga kepercayaan bahawa hukum syariah dapat ditegakkan melalui jalan kekuasaan (Maszlee Malik 2016).

Istilah Islamisme sebenarnya muncul selepas kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyyah. Menurut Mashitah Bin Sulaiman dalam tesisnya *Islam dan Pembinaan Peradaban Turki Moden melalui Proses Politik* (2004) mengulas bahawa gerakan Islam di Turki mulai merasakan kepentingan bagi mengembalikan semula kegemilangan Islam sebagaimana kegemilangan kerajaan Turki Uthmaniyyah dengan melaksanakan pelbagai usaha yang bersesuaian ke arah menjayakan matlamat

tersebut. Fenomena kebangkitan ini diterjemahkan sebagai *Islamic Revival*, *Islamic Resurgence*, *Islamic Reformation*, *Islamic Resurrection* dan sebagainya. Istilah-istilah ini dikonotasikan oleh Barat sebagai Islamisme sebagai satu wasilah seruan ke arah mengembalikan nilai pemerintahan berasaskan al-Quran dan al-Sunnah (Mashitah bin Sulaiman 2004).

Asef Bayat memerhatikan perkembangan gerakan Islam ini selepas kejatuhan kerajaan Turki Uthmaniyah dan sehinggalah berlaku Revolusi Iran pada tahun 1979, lalu beliau merumuskan bahawa gerakan Islam sedang berhadapan dengan satu fasa baharu (Pasca Islamisme) (Bayat 2013a). Perkembangan pasca Islamisme telah membuka ruang perbincangan dan tafsiran yang baharu dalam gerak kerja Islam. Kini, politik Muslim seluruh dunia termasuk di Malaysia berhadapan dengan fasa baru yang kini berbeza dengan sebelumnya. Rajah 1 menunjukkan carta alir peralihan dari trend Islamisme kepada pasca Islamisme. Teori ini diperkenalkan oleh Asef Bayat dalam artikelnya iaitu *Islamism and Social Movement Theory* (2005) tentang *Social Movement Theory* (Teori Gerakan Sosial) yang menjelaskan peralihan daripada fasa Islamisme kepada pasca Islamisme dan kesan-kesan peralihan ini kepada sosial budaya masyarakat (Bayat 2005).

RAJAH 1 Peralihan Fasa Baharu dalam Gerakan Islam



Sumber: Bayat 2005

Asef Bayat dengan kritisnya membawa pendekatan sejarah dalam memahami teori ini yang mana perubahan sosial dalam gerakan Islam yang bersifat Fundamentalisme pada awalnya mengalami peralihan kepada wacana baharu disebabkan kelemahan sistem sosial Islam sendiri dalam menghadapi landskap politik dunia yang semakin berubah. Beliau turut menjelaskan bahawa Teori Gerakan Sosial (*Social Movement Theory*) ini merupakan suatu proses kritikan terhadap fasa Islamisme yang dilihat jumud bagi sesetengah pendukung Islamisme sehingga berlaku proses tafsiran yang berbeza dalam beberapa isu terutamanya konsep negara Islam, pelaksanaan undang-undang Islam dan kerjasama dengan bukan Islam (Bayat 2005).

Kewujudan Pasca Islamisme masih lagi baru yang berkisar sekitar tahun 1980 selepas Revolusi Iran 1979. Wacana ini mulai membentuk kerangka pengamalan

sekitar pertengahan tahun 1990. Pada awalnya, pasca Islamisme hanya wujud dalam bentuk teori semata-mata dan bukannya dalam bentuk praktikal. Menurut Asef Bayat seorang Professor Sosiologi di Universiti Illinois, Amerika Syarikat menyatakan pasca Islamisme sebagai bentuk strategi golongan Islamis bagi meneruskan survival perjuangan Islam dalam politik (Bayat 2013b). Bagi Ihsan Dagi pula, beliau mengulas pasca Islamisme sebagai satu perubahan strategi politik Islam dengan meninggalkan idea fundamental yang bersifat teori negara Islam kepada idea yang lebih realistik (Ihsan Dagi 2013).

Bayat dalam artikelnya *The Making of Post-Islamist Iran* (2013) mengatakan bahawa pengamalan pertama kali wacana pasca Islamisme berlaku di bandar Tehran, Iran pada tahun 1992 (Bayat 2013a). Beliau juga banyak menghasilkan tulisan, karya dan artikel yang membicarakan tentang politik Islam dan juga perubahan perkembangan gerakan Islam. Pada tahun 1996, beliau menulis artikel yang pertama berkaitan dengan kedatangan fasa baharu dalam kalangan gerakan Islam iaitu *The Coming of a Post-Islamist Society* (1996). Dalam tulisan ini, Bayat mengulas tentang negara Iran yang digambarkan sebagai tempat berlakunya perkembangan idea pasca Islamisme dan proses fasa perkembangannya yang dikaitkan dengan Revolusi Iran 1979 (Bayat 1996).

Pada tahun 2005, satu artikel ditulis Bayat yang bertajuk iaitu *What is Post Islamism?* (2005) iaitu sembilan tahun selepas tulisan *The Coming of a Post Islamism Society* (1996) telah mengulas dengan lebih mendalam trend pasca Islamisme dengan menerangkan bahawa trend ini mulai berkembang di beberapa negara selain Iran seperti Tunisia, Mesir dan Turki (Bayat 2005). Kemunculan pasca Islamisme terus dirancakkan dengan perkembangan fenomena Arab Spring yang berlaku di negara-negara Arab pada awal tahun 2010 yang menuntut hak rakyat seperti keadilan sosial, politik dan ekonomi dikembalikan semula. Arab Spring merujuk kepada satu istilah revolusi dan kebangkitan rakyat yang berlaku di negara-negara Arab. Mohd Safar Hasim dalam artikelnya *Arab Spring atau Arab Nightmares: Antara hakikat dan Pepsepsi Kebangkitan Arab* memberikan takrifan fenomena Arab Spring digunakan kepada definisi kebangkitan rakyat Arab untuk memberi maksud perubahan yang diharapkan berlaku berikutan kebangkitan (Mohd Safar 2015). Menurut Manfreda (2011) pula Arab Spring dikaitkan dengan kebangkitan rakyat yang menyuarakan hak rakyat kepada kerajaan supaya dikembalikan semula.

Selepas Tunisia, kebangkitan rakyat juga berlaku di Mesir bermula pada 25 Januari 2011 yang berlangsung selama 18 hari yang akhirnya menggulingkan pemerintahan kerajaan Mesir (Haris Zulkapli 2012). Fenomena Arab Spring terus menular di beberapa tempat di negara-negara Arab seperti di Libya, Yaman dan Syria. Peristiwa Arab Spring merupakan fenomena yang telah mengubah struktur

dunia Arab yang mengarah kepada penggulingan rejim pemerintah yang bersifat autokrasi kepada satu bentuk pemerintahan baru. Fenomena Arab Spring ini bagi masyarakat Arab membawa harapan baharu kepada rakyat di negara masing-masing. Peralihan paradigma politik Islam dengan perkembangan demokrasi dan sistem pilihan raya telah mendesak gerakan Islam berusaha untuk merealisasikan cita-cita tersebut dengan menukar corak gerak kerja berbanding dekad 80-an yang lebih bersifat retorik.

Kebangkitan rakyat Arab menuntut demokrasi, kebebasan dan keadilan sosial dikaitkan dengan trend pasca Islamisme. Trend pasca Islamisme ini menyatakan ideologi menjadi tidak lagi penting, kurang penekanan dan tiada sebarang penetapan terhadap pemakaian satu-satu ideologi dalam perjalanan gerakan Islam (Bayat 2005). Menurut Mohd Izani Mohd Zain (2015) dalam artikelnya Islam dan Demokrasi: Impak dan Masa depan politik di Mesir menjelaskan wujud kekosongan ruang masa proses transisi pengisian kepada demokrasi selepas kejatuhan pemerintahan dunia Arab. Hal ini menyebabkan pimpinan parti politik di negara Arab mulai memandang trend pemerintahan berhaluan pasca Islamisme sebagai yang paling relevan kerana contoh kejayaan corak pengamalannya oleh beberapa negara sebelum ini seperti di Iran dan Turki. Pengamalan corak pemerintahan sebelum ini lebih bersifat autokratik dan tidak memberi banyak manfaat kepada sistem ekonomi, sosial masyarakat dan pembangunan negara. Oleh yang demikian, proses pengisian kepada Demokrasi memerlukan kepada pembaharuan yakni dengan memilih haluan yang berbeza dari sebelum ini. Perkara ini disokong oleh rata-rata tokoh pengkaji Barat seperti Roy Oliver yang menulis dalam bukunya *The Failure of the Political Islam* yang menegaskan kegagalan corak pengamalan Islamisme dalam kalangan gerakan Islam seluruh dunia. Roy menjelaskan bahawa gagasan idea negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam yang di perjuangkan oleh gerakan Islam sudah tidak relevan dan gagal memenangi hati masyarakat. Kegagalan tersebut berdasarkan kepada kelemahan peranan gerakan Islam dalam memberi nilai kebaikan ekonomi dan pengurusan pentadbiran negara (Roy Oliver 1996).

Justeru, bermula di Iran, idea dan nilai pemikiran ini mulai diamalkan dan diterima dalam kalangan gerakan Islam seluruh dunia seperti Turki, Tunisia, Mesir, Morocco, Sudan, Indonesia dan juga Malaysia. Idea perbincangan pasca Islamisme ini di anggap penting oleh penulis kerana trend pasca Islamisme menyebabkan unsur-unsur Barat yang bertentangan dengan kerangka Syariah Islam di amalkan dalam masyarakat seperti unsur liberalisme dan kebebasan individu. Hal ini sendiri ditegaskan oleh Bayat dalam artikelnya *Post-Islamism at Large* dengan kenyataan sebagaimana berikut:

The more analytical observers tend to equate Post-Islamism with 'liberal Islam' Or 'Islamic liberalism' (Bayat 2013b).

Tema dan tafsiran yang berbeza dalam fasa Islamisme dan pasca Islamisme ini dapat digambarkan sebagaimana dalam jadual yang berikut:

JADUAL 1 Perbezaan Tafsiran antara Fasa Islamisme dan Fasa Pasca Islamisme

Tema/Perkara	Fasa Islamisme	Fasa Pasca Islamisme
Negara Islam	Konsep negara Islam secara simbolisme dan utopia	Konsep negara Madani yang berpaksikan praktis
	Pelaksanaan negara Islam tanpa penyertaan dalam pilihan raya	Pelaksanaan cita-cita negara Islam melalui jalan demokrasi dan pilihan raya
Pelaksanaan Undang-Undang Islam (Hudud)	Wajib dilaksanakan	Tidak relevan pelaksanaan undang-undang hudud
	Pelaksanaan Undang-undang Islam melalui tekstual agama	Hukum dan Syariah Islam ditafsirkan mengikut perspektif individu
Kerjasama antara Orang Bukan Islam (<i>tahalluf siyasi</i>)	Menolak kerjasama antara orang bukan Islam	Menerima kerjasama antara orang bukan Islam
	Berpandangan negatif terhadap <i>tahalluf siyasi</i>	Berpandangan positif atas tujuan perolehan kuasa pemerintahan
Sifat Gerakan Islam	Radikal	Toleran dan moderate
	Fundamentalis	Modenisme
	Menolak demokrasi	Menerima demokrasi
	Retorik	Nilai Praktis
	Kurang memberi penekanan kepada urus tadbir negara sebaliknya memfokuskan kepada matlamat negara Islam	Keadilan sosial dan pengurusan pemerintahan yang baik

Sumber: Pemerhatian Pengkaji terhadap Tulisan Asef Bayat

HASIL DAN PERBINCANGAN

Perkembangan Pasca Islamisme di Malaysia

Secara umumnya, pengaruh pasca Islamisme di Malaysia tidak sama sebagaimana di Timur Tengah, Barat, Asia Barat dan di Asia Tenggara. Kewujudannya masih lagi baru dan sedang berkembang membentuk hala tuju tersendiri. Justeru, terdapat

beberapa perbezaan perkembangan pasca Islamisme negara-negara lain dengan Malaysia. Justifikasi pengaruh perkembangan pasca Islamisme di Malaysia dapat diorientasikan dalam 3 aspek. Pertama, walaupun telah terdapat kajian lepas tentang pengaruh pasca Islamisme di seluruh dunia, namun kajian terhadap gerakan Islam di Malaysia masih baharu. Kedua, pembinaan dasar awal gerakan Islam di Malaysia dipacukan kepada wadah Islamisme berbanding kebanyakan gerakan Islam lain di dunia yang terasnya dibina dengan kerangka politik. Ketiga, realiti budaya masyarakat Malaysia juga menunjukkan bahawa Malaysia sangat berbeza dengan negara-negara lain di dunia dengan amalan agama yang kukuh. Maka, sudah tentulah penerimaan pengaruh pasca Islamisme di Malaysia tidak akan sama berbanding negara-negara lain.

Di Malaysia, kumpulan Islamis atau gerakan Islam yang memperjuangkan negara Islam dan pelaksanaan undang-undang Islam (hudud) merujuk kepada Parti Islam SeMalaysia (PAS). Keazaman dan cita-cita PAS terhadap sebuah negara Islam yang didasarkan kepada Syariah Islam dalam segala aspek terutamanya dari segi perlembagaan dan pentadbiran amatlah tinggi. Namun begitu, PAS tidak mengambil pendekatan radikal dalam pelaksanaan cita-cita tersebut sebagaimana yang diperjuangkan ISIS tetapi memilih jalan demokrasi yang lebih bersifat sederhana (Mohd Izani 2014).

Perkembangan wacana politik baharu yang semakin terbuka telah mengangkat tema demokrasi, keadilan, kebebasan dan *good governance* yang menjadi keutamaan gerakan Islam di seluruh dunia termasuk gerakan Islam di Malaysia. Perkembangan ini dikenali dengan pasca Islamisme. Justeru, situasi ini telah mendesak kumpulan Islamis sebagaimana PAS mengubah pendekatan mereka menjadi lebih inklusif dalam memahami realiti politik semasa bagi memenangi hati rakyat (Mohd Izani 2014).

Perbezaan tafsiran pendekatan PAS dapat diperhatikan dalam beberapa isu. Pertama, soal negara Islam. Dalam konteks ini, sikap dan pendirian asal PAS yang memperjuangkan negara Islam ditukar kepada konsep 'negara Berkebajikan' setelah PAS mengadakan kerjasama dengan Pakatan Rakyat (PR) sebelum muktamar PAS ke 16. Begitu juga dari sudut kerjasama dengan orang bukan Islam (*tahalluf siyasi*) yang mana PAS terpaksa menggadaikan prinsip perjuangan mereka demi menjaga hubungan *tahalluf siyasi* bersama rakan-rakan pakatan yang lain. Hal ini juga menyebabkan PAS perlu berkompromi terhadap isu-isu berkaitan dengan kepentingan Islam seperti isu kalimah Allah. Pelaksanaan Undang-undang hudud juga dilihat meniti jalan yang sukar untuk di laksanakan sekiranya PAS bersama dengan Pakatan Harapan kerana DAP dan PKR secara jelas menyatakan pendirian menolak pelaksanaannya.

Faiz Mukmin (2014) telah membahaskan tentang perkembangan ini dalam artikel tulisannya iaitu *Pemikiran pasca Islamisme dalam PAS: Analisa terhadap kesan tahalluf siyasi* (2014). Beliau menegaskan bahawa PAS telah terkesan terhadap pemikiran pasca Islamisme iaitu apabila PAS mengadakan kerjasama dengan orang bukan Islam *tahalluf siyasi* dengan DAP dan PKR. Kesan *tahalluf siyasi* menyebabkan PAS terpaksa menerima hak-hak yang disepakati dalam Pakatan Rakyat dan harus bertolak ansur termasuk dalam soal prinsip agama Islam disebabkan suara minoriti PAS berbanding DAP dan PKR. Di samping itu, idea pasca Islamisme yang menjadi pengamalan PAS turut memberi kesan kepada pengurangan undi orang Islam kepada PAS kerana kerjasama mereka dengan DAP (Faiz Mukmin 2014).

Dari satu sisi pandang yang berbeza, PAS juga pernah mengadakan *tahalluf siyasi* bersama dengan orang bukan Islam pada tahun 1999. Kerjasama ini merupakan gabungan parti politik Barisan Alternatif (BA) yang ditubuhkan pada 2 Julai 1999 apabila parti pembangkang iaitu PAS, DAP, PKN dan PRM telah bekerjasama bagi tujuan menghadapi PRU ke-11. Pembentukan BA telah mendapat sokongan daripada pelbagai pertubuhan seperti ALIRAN, SUARAM, JIM dan termasuklah ABIM (Felker 1999). Namun, dalam konteks ini, kerjasama yang dilakukan PAS dengan *Non Muslim* tidak dapat diklasifikasikan sebagai pengaruh idea pasca Islamisme secara menyeluruh. Hal ini kerana tujuan penubuhan BA adalah dalam tempoh masa menghadapi pilihan raya ke-11 sahaja dengan tujuan meraih undi majoriti bagi menjatuhkan kerajaan Barisan Nasional (BN). Menurut Felker, DAP telah mengumumkan pengunduran daripada BA pada 21 September 2001 disebabkan tidak bersetuju dengan matlamat PAS yang mahu menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara Islam (Felker 1999). Oleh yang demikian, secara tidak langsung kerjasama PAS dengan DAP telah terbatal setelah pengunduran DAP daripada Barisan Alternatif. Pada ketika itu juga, konsep negara Islam dan hudud yang diperjuangkan PAS masih lagi jelas berbanding dengan selepas kerjasama dengan Pakatan Harapan yang menyebabkan PAS menukar pendekatan kepada negara berkebijakan.

Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan oleh Faiz Mukmin, gerakan politik Islam sebagaimana PAS telah terpalit dengan perkembangan idea pasca Islamisme. Asef Bayat sendiri dalam tulisannya *Post-Islamism at Large* menyamakan prinsip Parti Keadilan Rakyat (PKR) di Malaysia dengan Parti Keadilan Sosial (PKS) di Indonesia melalui perubahan perkembangan doktrin oleh Parti Keadilan Rakyat (PKR) yang memfokuskan kepada terma keadilan, *good governance*, hak asasi manusia dan mengiktiraf prinsip sekular dalam politik kenegaraan (Bayat 2013b). Justeru, sememangnya tidak dapat dinafikan gerakan Islam di Malaysia juga turut terkesan dengan pemikiran ini. Oleh yang demikian, pengkaji memberi justifikasi bahawa wacana pasca Islamisme memberi kesan tertentu terhadap gerakan Islam dalam tafsirannya berkaitan konsep negara Islam, pelaksanaan undang-undang

Islam (hudud) dan kerjasama antara orang bukan Islam. Justeru, kajian yang lebih mendalam dan terperinci dari semasa ke semasa perlu dijalankan terhadap gerakan Islam di Malaysia terutamanya PAS kerana dibimbangi pengaruh wacana ini memberi implikasi negatif terhadap usaha dakwah gerakan Islam di Malaysia.

KESIMPULAN

Dimensi baharu politik semasa menyaksikan tuntutan kepada keperluan demokrasi dalam sistem urus selia negara. Keperluan-keperluan semasa yang mementingkan kepada kebaikan ekonomi, politik dan sosial yang diasaskan kepada realiti dan praktis dilihat satu keutamaan berbanding perjuangan gerakan Islam dekad 80-an yang didasarkan kepada retorik semata-mata. Perubahan landskap politik dunia dengan tuntutan demokrasi turut diiringi dengan pasca Islamisme yang berkembang dalam kerangka pemikiran gerakan Islam. Justeru, kajian-kajian yang lebih terperinci dan yang berfokus khusus kepada satu persatu gerakan Islam di Malaysia penting dijalankan supaya hasil kajian dapat memberi orientasi pemikiran bagi gerakan Islam menyaring unsur-unsur bertentangan dengan Syariat.

RUJUKAN

- Ayoob, Mohammed. 2005. The future of political islam: The importance of external variables. *International Affairs* 81(5): 951-961.
- Bayat, Asef. 1996. The coming of post-islamist society. *Journal Critical Middle East Studies*: 43-52.
- Bayat, Asef. 2005. What is post-islamism. *ISIM Review* 16: 5.
- Bayat, Asef. 2007. *Islam and Democracy: What is the Real Question*. Leiden: Amsterdam University Press. Isim paper 8.
- Bayat, Asef. 2013a. The making of post-Islamist Iran. Dlm. A. Bayat (pnyt.). *Post-Islamism The Changing Faces of Political Islam*, hlm. 35-70. New York: Oxford University Press.
- Bayat, Asef. 2013b. Post-Islamism at large. Dlm. A. Bayat (pnyt.). *Post-Islamism The Changing Faces of Political Islam*, hlm. 3-32. New York: Oxford University Press.
- Faiz Mukmin. 2014. Pasca Islamisme dalam PAS: Analisa terhadap kesan tahalluf siyasi. Bangi, Selangor: *Prosiding Kolokium Antarabangsa Siswazah Pengajian Islam (KASPI)*, 667-673.
- Felker, G. 1999. Malaysia in 1998: A cornered tigers bares its claws. *Asian Survey* 42(1): 43-54.

- Haris Zalkapli. 2012. Kebangkitan gerakan Islam dalam fenomena arab spring. Kuala Lumpur: Jundi Resources. [Http://www.academia.edu/3812208/Paper_Fenomena_Arab_Spring](http://www.academia.edu/3812208/Paper_Fenomena_Arab_Spring) [20 Jun 2015].
- Ihsan Dagi. 2013. Post-islamism a la turca. Dlm. A. Bayat (pnyt.). *Post Islamism The Changing Faces of Political Islam*, hlm. 71-108. New York: Oxford University Press.
- Manfreda, P. 2011. Definition of the arab spring. Human rights, civil liberties and democracy movements. [Http://middleeast.about.com/od/humanrightsdemocracy/Definition-Of-The-Arab-Spring.Html](http://middleeast.about.com/od/humanrightsdemocracy/Definition-Of-The-Arab-Spring.Html) [20 Jun 2015].
- Mashitah bin Sulaiman. 2004. Islam dan pembinaan peradaban Turki moden melalui proses politik. Tesis Dr Fal, Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Maszlee Malik. 2016. *Pasca Islamisme atau Wacana Baru Gerakan Islam. Generasi Kedua Politik Islam: Wacana Baru Gerakan Islam*. Jil. 1. Petaling Jaya, Selangor: Ilham Books.
- Mohd Safar Hasim. 2015. *Arab Spring atau Arab Nightmares: Antara Hakikat dan Persepsi Kebangkitan Arab. Arab Spring Faktor dan Impak*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Izani. 2014. Mendepani Cabaran Politik Muslim. Utusan Malaysia, 21 Jun.
- Roy Oliver. 1996. *The Failure of the Political Islam*. United Stated: Harvad University Press.

